

27/06/2003

Mohammed Nazri mahu beri peluang pemimpin muda

IPOH: "Saya menawarkan diri untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang bukan kerana gagal berkhidmat, sebaliknya ingin memberi peluang kepada tokoh lebih muda menjadi wakil rakyat," kata Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Manik, Datuk Seri Mohammed Nazri Abdul Rahim.

Beliau berkata, mereka lebih berkelayakan dan yang penting mempunyai visi untuk kepentingan masyarakat di kawasan yang diwakili nanti.

Mohammed Nazri adalah seorang daripada lima Adun Umno dari Perak yang menyatakan hasrat berundur daripada menjadi calon pilihan raya umum akan datang kepada Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali kerana mahu memberi peluang kepada muka baru.

Selain beliau, empat lagi rakannya turut menyatakan hasrat sama, tetapi belum mengumumkannya secara terbuka.

"Ini bukan sandiwara. Saya sudah empat penggal menjadi wakil rakyat, saya ingin mengundur diri kerana mahu memberi peluang kepada tokoh lebih muda.

"Kesihatan saya juga tidak mengizinkan, selain usia yang makin lanjut," katanya kepada Berita Harian di sini, semalam.

Mohammed Nazri ditanya mengenai nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya wakil rakyat yang tidak boleh melakukan sesuatu untuk kepentingan masyarakat atau berasa sudah tidak popular lagi, mengundur diri.

Mohammed Nazri pernah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri mulai 1990 dan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 1995 dan memegang jawatan itu selama satu penggal.

Beliau yang juga bekas Setiausaha Politik Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib mula bertanding pada pilihan raya umum pada 1986.

"Saya bersara secara sukarela dan sudah memaklumkan perkara ini kepada Tajol Rosli dan Ramli Ngah selaku Ketua Umno Bahagian Pasir Salak, sejak awal tahun ini," katanya.

Beliau berkata, sebagai membuktikan hasrat murninya itu, semua jawatan di peringkat bahagian dan cawangan tidak ditandingi pada pemilihan tahun lalu.

"Hasrat untuk bersara mula dimaklumkan kepada Ramli Ngah sebelum pilihan raya umum 1999, tetapi diminta terus bertanding berikutan senario politik pada masa itu," katanya.

Katanya, kini masa amat sesuai dan menasihatkan kepada wakil rakyat terutama mereka yang sudah lama berkhidmat supaya mengundur diri untuk memberi peluang muka baru bertanding pada pilihan raya akan datang.